

# Gerakan perkenal cara baru pilih presiden

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) akan meminda perlembagaannya, termasuk mengenai cara pemilihan presiden, bagi mengurangkan kemelut perebutan kuasa dalam parti berkenaan pada masa depan.

Bagaimanapun, pindaan itu akan memastikan suara ahli dan demokrasi terus terjamin.

Presiden Gerakan, Datuk Dr Lim Keng Yalk, berkata menerusi pindaan itu kelak, presiden tidak lagi akan dipilih oleh ahli dalam persidangan perwakilan parti.

Tetapi, katanya, presiden akan dipilih oleh anggota Jawatankuasa Pusat (CC) manakala ahli perwakilan pula berhak memilih anggota CC itu dalam persidangan perwakilan.

Menurutnya, cara ini akan dikenali sebagai sistem "caucus" yang akan dapat memelihara demokrasi dan mengurangkan kemelut dalam parti.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui di majlis sambutan Tahun Baru Cina anjuran Gerakan di sebuah hotel di sini, semalam. Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim, menteri Kabinet yang lain dan ketua perwakilan asing ke negara ini.

Datuk Dr Lim berkata, satu lagi pindaan yang akan dibuat ialah mewujudkan dua jawatan timbalan presiden bagi dua pemimpin berlainan keturunan untuk mencerminkan konsep pelbagai kaum yang diperjuangkan oleh Gerakan.

Bagaimanapun, katanya, pindaan itu bukan perkara baru kerana pada 1976 Gerakan pernah mewujudkan dua timbalan presiden, tetapi ia dimansuhkan pada 1980.

Beliau berkata, Gerakan juga akan menambah bilangan anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) dan Jawatankuasa Pusat (CC) dengan tujuan memberi peluang kepada lebih ramai ahli menganggotainya.